

LATIHAN PRAKTIS 1

MEMBETULKAN KESALAHAN AYAT

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. **Gariskan kesalahan bahasa** tersebut dan **tuliskan jawapan yang betul** pada ruang jawapan yang disediakan.

1. Penerangannya nian jelas dan semua pihak berpuas hati.

Jawapan:

2. Datuk akan terus mengusahakan kebunnya sementara terdaya.

Jawapan:

3. Kami terkejut apabila diberitahu yang ayah terlibat dalam kemalangan jalan raya tadi.

Jawapan:

4. Ibu memasukkan santan bila daging itu sudah empuk.

Jawapan:

5. Dania sudah dua hari tidak datang ke sekolah sebab demam panas.

Jawapan:

6. “Ambillah mana buku yang kamu suka,” kata Sin Hui kepada rakannya.

Jawapan:

7. Tidak ada siapa pun di rumah Encik Kaasim pada hari itu.

Jawapan:

8. Saya yakin ada satu perkara yang berlaku antara Misnan dan Iqram.

Jawapan:

9. Cik Suria telah menyerahkan surat pekeliling itu ke ketua jabatan.

Jawapan:

10. Beliau akan membincangkan perkara itu kepada ahli lembaga syarikat.

Jawapan:

[20 Markah]

MEMBETULKAN KESALAHAN EJAAN

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

1. Pertunjukkan kebudayaan itu dimulakan selepas ucapan Menteri Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan.

Jawapan:

2. Ayah dan ibunya sering menasihatkan Akmal agar belajar dengan bersungguh-sungguh jika ingin berjaya.

Jawapan:

3. Kami berjaya mencari rumah Anita berpandu peta yang diberikan oleh Anita.

Jawapan:

4. Kakak Salina akan keluar negara pada tahun depan untuk melanjutkan pelajaran.

Jawapan:

5. Lembu yang hendak disembelih itu ditambat di belakang rumah Pak Akob.

Jawapan:

6. Bola-bola yang dimasukkan kedalam bakul itu akan disimpan di dalam stor ini.

Jawapan:

7. Yang Dipertuan Agung telah mencemar duli melawat kilang batik itu dan baginda diiringi oleh Raja Permaisuri Agong.

Jawapan:

8. Semua anggota jawatan kuasa itu mati akal memikirkan cara untuk menyelesaikan masalah kewangan persatuan itu.

Jawapan:

9. "Jemputlah masuk, Pak Cik. Ayah sedang bersiap di atas," kata Yusri kepada Pak Cik Isa.

Jawapan:

10. Tiap hari Sabtu ibu akan ke pasar tani untuk membeli barang keperluan dapur.

Jawapan:

[20 Markah]